

16 JUL 1999

SERI PADUKA KIRIM PERUTUSAN KEPADA PRESIDEN IRAQ

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Iraq, Saddam Hussein bersempena Hari Kebangsaan negara itu esok.

Dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini hari ini, Seri Paduka berharap hubungan rapat yang wujud di antara kedua-dua negara dapat terus dipereratkan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan yang serupa kepada Saddam, berkata beliau yakin bahawa hubungan persahabatan dan kerjasama di antara kedua-dua negara dapat diperkukuhkan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusannya kepada rakan sejawatannya Mohammed Sa'ed Al-Sahaf, juga melahirkan keyakinan bahawa persahabatan dan kerjasama yang sedia terjalin di antara kedua-dua negara akan berterusan.

-- BERNAMA

NHD AKD